

**KAJIAN KESAN DAN MASALAH DALAM MENGEKALKAN SEKOLAH ZAMAN
BRITISH DI PUSAT BANDAR DARI ASPEK PERANCANGAN FIZIKAL:
SEK. MEN. KEB. MAXWELL, JALAN TUN ISMAIL, KUALA LUMPUR**

oleh

AINUL YUSLIDA BINTI MOHD YATIM

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM**

OKTOBER 2001

PENGHARGAAN

' DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH DAN PENYAYANG '

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan berkat dan IzinNya, kajian '*Kesan Dan Masalah Dalam Mengekalkan Sekolah Zaman British Di Pusat Bandar Dari Aspek Perancangan Fizikal : Sekolah Menengah Kebangsaan Maxwell, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur*' , dapat disiapkan bagi memenuhi syarat untuk memperolehi Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih ini dirakamkan kepada pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya untuk menyediakan kajian ini iaitu :

Koordinator Kajian Akhir – Dr. Mizan Hitam
Penyelia Kajian Akhir – Puan Puziah Ahmad

Juga,

Dr. Amir b. Mohd Salleh iaitu pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia dan En. Bahardin b. Yahya selaku pegawai di Jabatan Pendidikan yang memberikan kebenaran untuk saya menjalankan kajian akhir ini di SMK. Maxwell Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur. Begitu juga kepada pihak pentadbir sekolah iaitu En Loy Liang Dee, tenaga pengajar serta pelajar-pelajar yang terlibat dan memberikan kerjasama dalam kajian ini.

Selain daripada itu, ucapan terima kasih ini juga adalah ditujukan kepada kedua ibu bapa yang banyak memberikan sokongan, rakan-rakan, orang perseorangan dan mereka yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penyediaan kajian ini.

Sekian. Wassalam
(AINUL YUSLIDA BINTI MOHD YATIM)
OKTOBER 2001

ABSTRAK

Sekolah adalah sebuah institusi yang amat penting dalam masyarakat. Menyedari akan kepentingan ini, sekolah dikenalpasti telah dibina oleh pihak pemerintah sejak awal kurun ke-20 lagi iaitu semasa zaman penjajahan British di negara ini. Namun begitu sebelum pihak British memperkenalkan sistem persekolahan formal, telah wujud sistem persekolahan tidak formal iaitu seperti sekolah pondok dan sekolah agama yang terdapat di kampung-kampung. Hari ini, kita dapat lihat sekolah dianggap sebagai satu elemen penting dan menjadi keperluan utama untuk masyarakat memperolehi pendidikan. Sehingga dari semasa ke semasa banyak sekolah dibina untuk menampung permintaan tersebut. Kini, pembinaan sekolah adalah mempamerkan rekabentuk yang bercirikan moden berbeza dengan rekabentuk sekolah semasa zaman pemerintahan British yang mana rekabentuknya adalah berbentuk kolonial yang dibawa oleh pihak penjajah dari negara mereka untuk diadaptasikan di negara kita. Ini kerana mereka ingin mewujudkan suasana seperti mana di negara asal mereka. Sehingga hari ini sekolah zaman British masih kekal terutamanya di pusat-pusat bandar. Jika dahulu perletakannya dianggap strategik kerana masih kurangnya pembangunan dijalankan, namun hari ini pelbagai masalah timbul terutamanya dari aspek perancangan fizikal. Antara masalah-masalahnya adalah seperti kesesakan pembangunan, kesesakan lalulintas, lokasi yang kurang strategik dan gangguan fizikal seperti pencemaran bunyi dan pencemaran udara. Oleh itu, kajian kesan dan masalah dalam mengekalkan sekolah zaman British di pusat bandar ini dibuat adalah bertujuan mengkaji secara lebih terperinci terhadap halangan yang wujud dalam usaha pengekalannya. Sekolah Menengah Kebangsaan Maxwell, Jalan Tun Ismail, telah dipilih sebagai kawasan kajian, memandangkan lokasinya yang terletak di dalam pembangunan pesat bandar, yang sememangnya diketahui terdapat masalah-masalah fizikal yang mempengaruhi usaha untuk dikekalkan. Dengan demikian masalah-masalah ini perlu dikaji secara mendalam dan teliti agar dapat menemui satu jalan penyelesaian yang sesuai. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk mengetahui masalah dan kesan yang wujud terhadap sekolah ini, tetapi cuba mencari penyelesaian yang bersesuaian terhadap masalah yang wujud agar pengekalan sekolah zaman British tersebut diketahui sama ada akan terus dikekalkan atau pun cuba mengatasi dan mengurangkan masalah yang di alami sekolah ini.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	iv
Senarai Rajah	v
Senarai Carta	v
Senarai Lampiran	vi
Senarai Singkat Kata	vi

KANDUNGAN	MUKA SURAT
------------------	-------------------

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	3
1.3 Tujuan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Kawasan Kajian	7
1.8 Kaedah Kajian	8
1.9 Metodologi Kajian	9
1.10 Rumusan	11

BAB 2.0 KAJIAN TEORITIKAL DAN KAWASAN KAJIAN

2.1 Pengenalan	12
2.2 Definisi Beberapa Kata Kunci	13
2.2.1 Definisi Sekolah.	13
2.2.2 Definisi Pengekalan.	14
2.3 Pendidikan Di Malaysia	15
2.3.1 Jenis-Jenis Tahap Sekolah	16
2.3.2 Perkembangan Sekolah Zaman British	17
2.4 Piawaian Dan Garis Panduan Perancangan Bagi Kemudahan Pendidikan	20
2.4.1 Garis Panduan Umum Perancangan Kemudahan Pendidikan	20
2.4.2 Piawaian Sekolah Menengah	23
2.5 Perancangan Sekolah Dari Aspek Fizikal	24
2.5.1 Lokasi	24
2.5.2 Kemudahan Awam/Asas	24
2.5.3 Rekabentuk Sekolah	25
2.5.4 Orientasi Bangunan	25
2.5.5 Suasana Persekutuan	30
2.6 Kawasan Kajian	
2.6.1 SMK Maxwell, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur	31
2.6.2 Latar Belakang Dan Sejarah	31
2.6.3 Gunatanah Semasa	36
2.6.4 Gunatanah Sekitar	36
2.6.5 Sirkulasi	36
2.7 Rumusan	39